

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

SEPTEMBER 1998

EUP 212 - JURUTERA DALAM MASYARAKAT

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH SATU (21) muka surat bercetak** dan mengandungi **SEPULUH (10) SOALAN** sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5) BAHAGIAN** iaitu:

- | | |
|--------------------|--|
| BAHAGIAN A: | DUA PULUH LIMA (25) SOALAN (JAWAB SEMUA) |
| BAHAGIAN B: | DUA (2) SOALAN (JAWAB SATU (1) SOALAN SAHAJA) |
| BAHAGIAN C: | DUA (2) SOALAN (JAWAB SATU (1) SOALAN SAHAJA) |
| BAHAGIAN D: | TIGA (3) SOALAN (JAWAB DUA (2) SOALAN SAHAJA) |
| BAHAGIAN E: | DUA (2) SOALAN (JAWAB SATU SOALAN SAHAJA) |

Agihan markah bagi soalan diberikan di sisi sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.

Mesinkira boleh digunakan.

BAHAGIAN A: (Anda perlu menjawab soalan objektif ini pada kertas jawapan yang diberikan).

- 1.1 Siapakah di antara penulis berikut yang memberi penumpuan kepada kecekapan pekerja dan pengeluaran dalam kajian beliau:
- (A) Frederik Taylor
 - B. Henri Fayol
 - C. Max Weber
 - D. McGregor
 - E. Victor H. Vroom
- 1.2 Mengikut (Max Weber), organisasi birokrasi mempunyai ciri-ciri berikut kecuali
- A. terdapat prosedur untuk menjalankan tugas
 - B. pemilihan kakitangan adalah berdasarkan kebolehan
 - C. hubungan antara individu adalah rapat dan terikat kepada perasaan hati
 - D. pengurus mengikut peraturan dalam mentadbir
 - E. pembahagian tenaga buruh adalah mengikut kemahiran
- 1.3 Manakah diantara berikut bukan merupakan faktor penyihat dalam teori Dorongan Kesihatan Herzberg:
- A. kenaikan pangkat
 - B. gaji yang diterima
 - C. keadaan tempat kerja
 - D. polisi syarikat
 - E. penyeliaan

- 1.4 Teori pengurusan _____ menerima hakikat bahawa perhubungan antara manusia serta kelakuan manusia adalah komplek dan dinamik.
- A. kontigensi
 - B. sistem
 - C. saintifik
 - D. semua A,B dan C di atas
 - E. A dan B sahaja
- 1.5 Pengurusan melalui objektif menekankan kepada _____
- A. keuntungan kepada syarikat
 - B. perancangan jangka pendek
 - C. penglibatan setiap individu
 - D. tanggungjawab sosial
 - E. penakatan
- 1.6 Apakah kaedah berbentuk kualitatif yang boleh diguna oleh pihak pengurusan untuk mengetahui kedudukan syarikat dari segi unsur-unsur yang boleh menjelaskan rancangan syarikat.
- A. kaedah Delphi
 - B. kajian pasaran
 - C. model regresi
 - D. analisis SWOT
 - E. model ekonometrik


- 1.7 Yang manakah kenyataan berikut BENAR mengenai Teori Z oleh W. Ouchi :
- A. proses penilaian pekerja dan kenaikan pangkat adalah cepat
 - B. tanggungjawab didokong secara berkumpulan
 - C. hubungan pekerja adalah erat tertakluk di dalam tempat kerja sahaja
 - D. A , B dan C
 - E. B dan C
- 1.8 Yang manakah antara berikut BUKAN langkah-langkah dalam perancangan strategik?
- A. menjelaskan misi syarikat
 - B. mengawasi pencapaian
 - C. menganalisa persekitaran
 - D. menetapkan matlamat
 - E. menetapkan bidang kuasa dan tanggungjawab pekerja
- 1.9 Fungsi pengurus merangkumi tugas (i) merancang (ii) mengawal (iii) mengorganisasi,(iv) mengarah.

Susun langkah tersebut mengikut urutan

- A. (i), (ii), (iii) dan (iv)
- B. (i), (ii), (iv) dan (iii)
- C. (i), (iii), (ii) dan (iv)
- D. (i), (iii), (iv) dan (ii)
- E. (iii), (ii), (i) dan (iv)


1.10 Apakah tanggapan yang akan anda buat apabila melihat struktur organisasi yang ditunjukkan di bawah?

- A. pengurus dalam organisasi ini mempunyai tugas yang ringan dari segi pengawasan
- B. pekerja merasa diri terlalu dikonkong
- C. pekerja mendapat bimbingan dan kawalan yang baik
- D. kebolehan pengurus digunakan dengan baik
- E. pekerja sentiasa berpuas hati




1.11 Carta organisasi berikut berkemungkinan dibentuk mengikut

- A. fungsi
- B. geografi
- C. pelanggan
- D. proses
- E. produk



- 1.12 Rajah di bawah menunjukkan petak pengurusan ciptaan Blalé dan Monton yang menerangkan gaya-gaya kepimpinan.



Pilih kenyataan yang sesuai untuk menerangkan gaya pengurusan di petak yang berlorek .

- A. bertimbangrasa terhadap keperluan pekerja, menimbulkan persekitaran kerja yang selesa dan mesra.
- B. mengeluarkan usaha kerja yang minimum untuk menjaga keahlian organisasi sahaja.
- C. kecekapan dalam pengendalian kerja diatur agar unsur-unsur manusia tidak memberi banyak kesan.
- D. prestasi yang sesuai daripada keperluan-keperluan kerja yang seimbang dengan pengekalan moral
- E. Kerja berhasil dari komitmen pekerja, penyatuan tujuan, saling hormat dan percaya mempercayai di antara pekerja.

1.13 Istilah ‘pedagang perseorangan’ bermaksud:

- A. hanya seorang bekerja untuk syarikat atau entiti
- B. hanya melibatkan perdagangan
- C. hanya dipunyai oleh seorang pemilik
- D. hanya menjual sejenis barang

1.14 Sebuah syarikat (~~menjual barang secara kredit~~) bernilai RM2,000 kepada seorang pelanggan. Pada peringkat manakah urusniaga ini direkodkan di dalam akaun?

- A. Apabila pesanan pelanggan diterima
- B. Apabila barang sudah siap untuk dihantar kepada pelanggan
- C. Apabila barang telah dihantar, diterima dan diinvois
- D. Apabila pelanggan membuat bayaran

1.15 EUP Berhad ~~menjual~~ barang secara kredit bernilai RM3,000 kepada UPA Berhad. Masukkan perakaunan manakah di antara berikut merekodkan dengan betul urusniaga ini?

- A. Jualan debit, kredit UPA Berhad RM3,000
- B. Debit UPA Berhad, jualan kredit RM3,000
- C. Debit tunai, jualan kredit RM3,000
- D. Debit UPA Berhad, kredit stok RM3,000

- 1.16 Sesuatu perniagaan mempunyai urusniaga berikut yang direkodkan dalam lejar jualan untuk 1991:

Penghutang pada 1 Januari 1991	RM25,000
Jualan pada 1991	RM345,000
Penerimaan daripada penghutang	RM318,000
Nota kredit dalam tahun 1991	RM23,000

Jumlah yang betul untuk penghutang pada 31 Disember 1991 ialah:

- A. RM29,000
- B. RM27,000
- C. RM52,000
- D. RM75,000

- 1.17 Kenyataan manakah di antara berikut yang BETUL mengenai imbangan duga?

- A. Ia menunjukkan kedudukan kewangan sesuatu perniagaan.
- B. Semua imbangan di dalam imbangan duga akan diringkaskan di dalam kunci kira-kira perniagaan.
- C. Ia adalah senarai baki dan membentuk titik permulaan bagi penyediaan akaun perniagaan.
- D. Ia adalah sebahagian daripada akaun tersiar sesuatu perniagaan.

[EUP 212]

- 1.18 Sesuatu perniagaan mempunyai item berikut yang diperolehi daripada imbalan duga?

	RM
Stok mula	10,000
Pembelian	25,000
Jualan	40,000
Perbelanjaan	10,000

Sebagai tambahan, nilai stok penutup ialah RM15,000.

Angka yang betul bagi untung kasar ialah:

- A. RM20,000
- B. RM10,000
- C. RM15,000
- D. RM Tiada

1.19 Berikut adalah ringkasan kunci kira-kira:

	RM		RM
Aset tetap	22,000	Modal	20,000
Stok	10,000	Untung tertahan	5,000
Penghutang	20,000	Pembiutang	10,000
Bank	5,000	Pinjaman jangka panjang	22,000
	57,000		57,000
	57,000		57,000

Nilai aset bersih perniagaan ialah:

- A. RM12,000
- B. RM25,000
- C. RM47,000
- D. RM57,000

1.20 Berdasarkan maklumat Soalan 1.19 di atas, nilai modal digunakan ialah:

- A. RM20,000
- B. RM25,000
- C. RM47,000
- D. RM57,000

1.21 Sesuatu perniagaan mempunyai item berikut di dalam akaun pada hujung tahun 31 Disember 1981:

	RM
Stok mula pada 1 Januari 1981	5,000
Stok tutup	10,000
Pembelian untuk 1981	90,000
Pulangan belian dalam 1981	2,000

Nilai yang betul untuk kos barang dijual dalam tahun 1981 ialah:

- A. RM85,000
- B. RM83,000
- C. RM95,000
- D. RM93,000

1.22 Konsep perakaunan yang diikuti apabila sesuatu syarikat mengadakan peruntukan untuk hutang lapuk ialah:

- A. Ketekalan, perkiraan, akruan, usaha berterusan
- B. Ketekalan, akruan, usaha berterusan
- C. Perkiraan, ketekalan, usaha berterusan
- D. Perkiraan, akruan, usaha berterusan

1.23 EUP Berhad mempunyai untung bersih sebelum cukai sebanyak RM167,000, cukai bernilai RM87,000 dividen ke atas modal saham biasa sebanyak RM45,000 telah diistiharkan dan syarikat memindahkan RM50,000 kepada rizab modal. Apakah nilai untung tertahan untuk tahun berkenaan?

- A. RM180,000
- B. RM135,000
- C. RM85,000
- D. RM267,000

- 1.24 EUP Berhad menerbitkan 500,000 saham biasa bernilai RM1.00 pada harga terbitan RM1.50 dan membuat terbitan bonus saham baru sebanyak RM50,000 saham biasa pada harga RM1.00. Syarikat juga menambah saham modal biasa dibenarkan sebanyak RM550,000 saham biasa pada nilai RM1. Apakah nilai pertambahan akaun modal saham biasa dalam kunci kira-kira.
- A. RM800,000
 - B. RM550,000
 - C. RM750,000
 - D. RM1,350,000
- 1.25 Dividen saham biasa ialah:
- A. Sebahagian daripada keuntungan syarikat yang digunakan sebagai hadiah kepada penanam modal.
 - B. Bunga ke atas wang yang dipinjamkan kepada syarikat oleh pemegang saham.
 - C. Perbelanjaan untuk menjalankan syarikat.
 - D. Imbuhan para pengarah.

(100 markah)

BAHAGIAN B:

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab SATU soalan sahaja.

2. (a) “Tiap-tiap Jurutera Berdaftar hendaklah sentiasa mempertahankan kemuliaan, kedudukan tinggi dan nama baik profesionnya”.

Bincangkan ungkapan yang tersebut di atas. Nyatakan apa yang tidak boleh dilakukan dengan memberi contoh bagi setiap perkara.

(60/100)

- (b) “Jurutera hendaklah mengutamakan keselamatan kesihatan (kesejahteraan) dan kebajikan rakyat (orang awam) apabila melaksanakan tugas-tugas profesional mereka”.

Huraikan ungkapan ini dengan memberi lima contoh yang berkaitan dengan ungkapan tersebut.

(40/100)

3. (a) “Jurutera hendaklah membina atau mempertingkatkan reputasi profesionalnya berdasarkan merit perkhidmatannya dan tidak bersaing secara tidak sihat dengan saingannya.”

Berikan lima contoh yang boleh menerangkan kanun etika tersebut.

(40/100)

- (b) Nyatakan perkara-perkara yang telah diambilkira untuk menentukan prinsip etika jurutera profesional. Jawaban anda, antara lain hendaklah meliputi amalan, pengetahuan, sifat/peribadi seseorang jurutera itu.

(60/100)

BAHAGIAN C: Bahagian ini mengandungi 2 soalan. Jawab SATU soalan sahaja.

4. (a) Senaraikan andaian-andaian yang dikemukakan oleh Mc Gregor dalam teori X dan teori Y beliau. Bincangkan teori yang patut dipegang oleh seorang pengurus moden.

(50/100)

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan penugasan kerja dan jelaskan keperluan penugasan kerja. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan supaya penugasan kerja mendatangkan kebaikan kepada organisasi.

(50/100)

5. (a) Apakah asas yang digunakan oleh Maslow untuk menerbitkan teori "Hieraki Keperluan". Terangkan dengan ringkas teori tersebut. Apakah keadaan yang menyebabkan teori ini tidak sesuai digunakan?

(50/100)

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan kawalan dan mengapakah ia perlu diwujudkan di dalam pengurusan sesebuah organisasi? Apakah ciri-ciri sistem kawalan yang baik?

(50/100)

BAHAGIAN D:

Bahagian ini mengandungi 3 soalan. Jawab DUA (2) soalan sahaja.

6. (a) Nyatakan beberapa sumber undang-undang di Malaysia. (20/100)
- (b) "English Common Law" dan "Rules of Equity" menjadi sebahagian daripada undang-undang Malaysia. Namun demikian penggunaannya berdasarkan kepada beberapa batasan. Apakah batasan-batasan ini? (32/100)
- (c) Terangkan dengan jelas istilah yang digunakan dalam undang-undang Tort.
(i) kecuaian
(ii) kewajipan berjaga-jaga. (24/100)
- (d) Senaraikan enam elemen asas bagi kontrak. (24/100)

7. (a) Encik Ali ingin memberi sekeping hartanahnya kepada anak perempuannya yang bernama Aminah pada hari lahirnya yang ke 21. Aminah tidak dikehendaki membayar apa-apa kepada bapanya sebagai pertimbangan balas. Encik Ali bimbang perpindahan hak milik hartanah ini kepada anaknya menjadi tidak sah menurut seksyen 26, Akta kontrak. Anda dikehendaki menasihati Encik Ali menyelesaikan masalahnya

(32/100)

- (b) Encik Lim masuk ke Pasaraya Fajar dan mengambil makanan dalam tin, syampu, telur, sayur-sayuran dan ikan. Ia memasukkan semua barang ini ke dalam trolinya.

Apakah terdapat kontrak di antara Pasaraya Fajar dan Encik Lim pada masa itu? Jelaskan jawapan anda mengenai masalah ini.

(36/100)

- (c) Apakah TIGA cara yang membolehkan sesuatu kontrak itu dilepaskan? Terangkan DUA daripada tiga cara ini.

(32/100)

8. Bincangkan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- (a) Doktrin tauladan kehakiman
- (b) Kewajipan berjaga-jaga oleh profesional
- (c) Mahkamah perindustrian
- (d) Mahkamah seksyen
- (e) Perlembagaan persekutuan.

(100/100)

BAHAGIAN E:

(Bahagian ini mengandungi 2 soalan. Jawab SATU (1) soalan sahaja.

9. (a) Bincangkan DUA peraturan (atau konsep) untuk setiap kategori peraturan perakaunan.

(30/100)

- (b) Encik Lee bermiaga sebagai pengedar runcit. Berikut adalah senarai urusniaga untuk Jun 19XX:

- (i) Membeli barang daripada Syarikat Bekal secara kredit.
- (ii) En. Lee menambah modal berbentuk tunai ke dalam perniagaan.
- (iii) Barang dijual secara tunai.
- (iv) Membeli barang secara tunai.
- (v) Memindahkan tunai ke dalam bank.
- (vi) Membeli mesin secara tunai.

Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikreditkan dalam buku akaun En. Lee.

(20/100)

- (c) Imbangan duga berikut diambil daripada buku akaun Syarikat XYZ pada 30 April 19XX:

	Debit RM	Kredit RM
Modal (pada 31 Mei 19XX)		30 000
Tunai	1 000	
Elektrik	2 000	
Penyenggaraan	4 000	
Perbelanjaan runcit	7 000	
Pembelian	40 000	
Sewaan	6 000	
Jualan		85 000
Kenderaan	30 000	
Gaji	25 000	
	115 000	115 000

Sediakan akaun perdagangan dan untung rugi untuk Syarikat XYZ bagi tahun sehingga 30 April 19X2, dan lembaran imbangan pada tarikh tersebut.

(50/100)

10. (a) Tulis nota pendek mengenai dua bentuk penyesuaian yang perlu dilakukan kepada akaun untung rugi di akhir tempoh perakaunan.
(20/100)
- (b) Bincangkan perbezaan di antara syarikat liabiliti terhad dan pedagang perseorangan.
(20/100)
- (c) Berikut diberikan imbalan duga untuk syarikat ABC Berhad pada 31.10.19X3:

	Debit RM	Kredit RM
Bank	700	
Modal		85 000
Susutnilai (pada 1.11.19X2):		14 000
Peralatan	12 300	4 000
Kenderaan	3 000	
Pengeluaran	27 000	
Elektrik	35 000	
Perbelanjaan Pejabat	12 000	
Peralatan pejabat, pada kos Sewaan	240 000	
Pembelian	20 000	350 000
Jualan		
Stok (pada 1.11.19X2)	61 000	21 000
Pemutang	16 000	
Penghutang	47 000	
Kenderaan, pada kos		
Gaji dan upahan		
	474 000	474 000

[EUP 212]

- 21 -

Maklumat tambahan:

1. Stok pada 31.10.19X3: RM26 000
2. Jumlah ter hutang untuk elektrik pada 31.10.19X3: RM1500.
3. Pada 31.10.19X3, RM2 000 telah dibayar sebagai pendahuluan sewa.
4. Susutnilai akan dicaj ke atas peralatan pejabat pada kadar 20% atas kos dan kenderaan pada kadar 25% atas kos.

Sediakan akaun perdagangan dan untung rugi untuk Syarikat ABC Berhad bagi tahun berakhir 31.10.19X3, dan juga kunci kira-kira pada tarikh tersebut.

(60/100)

oooOOOooo

